

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan dalam melanjutkan moratorium pinjaman secara automatik sehingga pandemik ini kembali reda atau pemilikan vaksin telah berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah memberikan moratorium automatik antara April hingga September 2020 ke atas pinjaman bank selama 6 bulan sebagai sebahagian langkah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (atau PRIHATIN) untuk membantu meringankan beban rakyat dan perniagaan.

2. Seperti yang telah diumumkan dalam laporan LAKSANA, nilai yang dianggarkan untuk moratorium 6-bulan berjumlah kira-kira RM100 bilion, dengan kira-kira RM35 bilion kepada PKS dan RM65 bilion kepada peminjam individu. Seramai 7.7 juta peminjam individu dan 243,000 PKS yang telah menikmati kemudahan ini.

3. Untuk program Moratorium Lanjutan dan Bantuan Bank Bersasar yang bermula Oktober 2020, sekitar 650,000 permohonan untuk bantuan bayaran balik pinjaman telah diterima dengan kadar kelulusan sebanyak 98%. Daripada permohonan yang diluluskan:

- a) 40% telah memohon pelanjutan moratorium. Mereka terdiri terutamanya daripada individu yang baru sahaja kehilangan pekerjaan serta perniagaan dalam sektor yang mungkin masih mengalami kekangan operasi yang ketara akibat pandemik; dan
- b) 60% telah memilih pengurangan bayaran ansuran bulanan. Mereka terdiri terutamanya daripada peminjam yang pendapatannya telah berkurang.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Selain itu, ekoran daripada gelombang ketiga COVID-19 baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan dalam Belanjawan 2021 bahawa bantuan bayaran balik pinjaman bersasar akan terus dilanjutkan kepada

golongan B40 yang juga merupakan penerima Bantuan Prihatin Rakyat dan perusahaan mikro dengan pinjaman berjumlah sehingga RM150,000.

5. Peminjam dari golongan B40 diberi pilihan sama ada menangguhkan bayaran balik pinjaman selama tiga bulan atau mengurangkan bayaran ansuran bulanan mereka sebanyak 50% dalam enam bulan bermula Disember 2020. Kelulusan diberikan secara automatik setelah mereka menyatakan pilihan mereka kepada bank. Peminjam yang memerlukan bantuan hanya perlu memaklumkan kepada bank masing-masing melalui pelbagai saluran mudah yang telah disediakan seperti perbankan internet, secara dalam talian atau menerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Bagi penerima Bantuan Prihatin Nasional M40 yang memohon pengurangan ansuran mereka, bank juga telah bersetuju untuk menerima perisytiharan sendiri pengurangan pendapatan yang dialami akibat pandemik.

6. Dengan bank terus meluluskan hampir kesemua permohonan bantuan bayaran balik pinjaman, Kerajaan ingin menekankan bahawa bantuan bayaran balik pinjaman terus disediakan kepada mereka yang terjejas. Mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing.

Sekian, terima kasih.